

Tubuh suruhanjaya khas nilai kembali pelaksanaan

MUNGKIN sudah tiba masanya untuk kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya khas bagi melihat dan menilai kembali pelaksanaan Perkara 153.

Pensyarah Fakulti Undang-Undang UKM, Dr Nurhafilah Musa berkata, hari ini timbul banyak perbincangan dan pertikaian mengenai Perkara 153 dan ada satu perkara yang telah lama tidak dibuat iaitu melihat kembali bagaimana pelaksanaan Perkara 153.

"Mungkin kita boleh buat suruhanjaya khas, maksudnya ini masanya untuk orang Melayu duduk berbincang dan lihat kembali apa yang perlu diperkasakan dan tambah baik cara peruntukan Perlembagaan ini dilaksanakan," katanya.

Ada tiga undang-undang bersandarkan Perkara 153 iaitu Enakmen Akta Rezab Tanah Melayu, Akta Mara 1996 dan Akta UTM 1976. Akta UTM disebut jelas ia diasaskan berdasarkan Perkara 153.

Jadi setakat ini, itu sahaja lah akta yang diluluskan di peringkat

Parlimen, dan apabila menyebut tentang Dasar Ekonomi Baru (DEB), tanpa pengetahuan jelas, memang akan ada anggapan DEB memang mementingkan Melayu.

Tapi bila kita baca balik teks DEB itu ada dua objektif utama dan salah satunya menyebut tentang mengurangkan jurang antara kaya dan miskin dan antara bandar dengan luar bandar.

Tak sebut tentang bangsa, antara Melayu dan bukan Melayu tak ada dalam DEB, cuma pelaksanaan DEB itu bagaimana, itu yang menjadi perbincangan.

Sementara tentang perkhidmatan awam, ada yang membuat kenyataan, contohnya perkhidmatan awam untuk orang Melayu, sebenarnya bukan perkhidmatan awam sangat besar.

Kalau kita sebut perkhidmatan awam, ia merangkumi polis, askar, perguruhan, perkhidmatan kehakiman, perundangan dan sebagainya.

Ia satu skop sangat besar dan kalau tanya graduan bukan Melayu,

dia tak nak jadi kakitangan awam sebab dia tak minat atau sebab dia tak minta atau macam mana?

Biasanya kita pukul rata sahaja, menyimpulkan orang bukan Melayu tak minat bertugas dalam perkhidmatan awam, sedangkan apa punca sebenar jadi begitu kita tak tahu. Sebab kita memang nampak, kita kekurangan orang bukan Melayu dalam perkhidmatan awam.

Jadi adakah itu persepsi mereka terhadap Perkara 153 atau mereka tak faham atau macam mana? Jadi kita kena buat siasatan lanjut, tak boleh dan tak adil jika kita kesimpulan pukul rata.

Mengenai Perkara 8, bila kita nak tafsirkan tentang Perkara 153, ia adalah kompromi yang dibuat semasa kita nak merdeka. Jadi bila kita sebut tentang kompromi, maksudnya jika kita kena ubah kompromi, seolah-olah kita sedang ubah asas kontrak penubuhan Malaysia itu sendiri.

Kalau kita semua faham Perkara 153 inilah antara salah satu asas



DR NURHAFILAH

pembentukan negara, maka kita tak sepatutnya mempertikaikan keadaan peruntukan itu sebenarnya.

Sementara dalam Perkara 10 Perlumbagaan Persekutuan yang telah dipinda selepas peristiwa 13 Mei, menyebut apa peruntukan yang tidak boleh dipertikaikan tetapi Perkara 153 ada klausa kecil menyebut, boleh bincang tentang Perkara 153 mengenai pelaksanaan.

Contoh, kita tak boleh pertikaikan kenapa bagi biasiswa,

tapi kita boleh tanya berapa banyak biasiswa diberikan, kepada siapakah biasiswa itu disalurkan, banyak manakah biasiswa itu diberikan.

Jadi kita boleh tanya supaya pelaksanaan itu betul-betul diberikan kepada orang yang sepatutnya. Sebab itu pelaksanaan dan kuasa budi bicara yang munasabah itu bila orang tengok Perkara 153 dilaksanakan secara adil, maka orang tak akan bising atau pertikai," katanya.